



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM



eNewsletter HRMIS

EDISI 2 TAHUN 2021 APRIL – JUN 2021

Menarik Edisi Ini

Penambahbaikan Fungsi
Alamat Bekerja Pasangan di
Submodul Rekod Peribadi

HRMIS Klasik
telah Ditutup
Sepenuhnya

Pengurusan Prestasi
dan Operasi HRMIS
melalui Appdynamics

Q&A HRMIS:
Perisyiharan
Harta

Video Tips
HRMIS Terkini

PENAMBAHBAIKAN FUNGSI ALAMAT BEKERJA PASANGAN DI SUBMODUL REKOD PERIBADI (KELUARGA)

Penambahbaikan pada submodul rekod peribadi bagi Elemen Keluarga yang melibatkan tambahan kolumn untuk Alamat Bekerja bagi pasangan CO yang bekerja sahaja. Penambahbaikan ini membenarkan CO mengisi alamat bekerja pasangan yang melibatkan dua skop:

Pasangan Penjawat Awam

Sekiranya pasangan CO adalah Penjawat Awam, Alamat Bekerja Pasangan CO boleh disalin secara automatik ke dalam ruangan Alamat Bekerja Pasangan (dari Data Sandangan Pasangan CO).

Pasangan Bukan Penjawat Awam

Sekiranya pasangan CO adalah Bukan Penjawat Awam, Alamat Bekerja Pasangan CO boleh diisi ke dalam ruangan Alamat Bekerja Pasangan yang disediakan.

Penambahbaikan ini membolehkan analitik sumber manusia berkaitan demografi keluarga penjawat awam dapat dipertingkatkan untuk keperluan pengurusan sumber manusia yang lebih strategik.

The screenshot shows the 'REKOD REKOD PENJAWAT' (Employee Record Record) page. A new family member has been added, increasing the record count to 5. The 'Family Address' section is highlighted with a red border, showing fields for 'Negara', 'Bandar', 'No. Warisan', and 'Nombor Kawasan Keluarga'. Below this, there is a note: 'Klik Hyperlink 'Nama Ahli Keluarga' untuk kemaskini maklumat terperinci.' (Click on the 'Family Member Name' hyperlink to update detailed information.)

Sila isikan medan mandatori di bawah :

- Alamat Tempat Bekerja Pasangan
- Negara Tempat Bekerja Pasangan
- Negeri Tempat Bekerja Pasangan
- Bandar Tempat Bekerja Pasangan
- Poskod Tempat Bekerja Pasangan

HRMIS KLASIK TELAH DITUTUP SEPENUHNYA



Penutupan HRMIS Klasik bagi 52 Sub Modul telah dilaksanakan di dalam tiga fasa dan selesai sepenuhnya pada 18 Jun 2021. Penutupan HRMIS Klasik perlu dilaksanakan atas faktor risiko keselamatan kerana menggunakan platform yang sudah *obsolete*.

JPA akan melaksanakan pemantapan HRMIS 2.0 secara berterusan dan amat berharap agar semua agensi terus menyokong penggunaan HRMIS 2.0.


PENGURUSAN PRESTASI DAN OPERASI HRMIS MELALUI APPDYNAMICS

HRMIS merupakan aplikasi utama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan boleh dicapai pada bila-bila masa serta di mana sahaja kepada penjawat awam. Bagi memastikan kebolehcapaian HRMIS secara optimum, penggunaan perisian *monitoring tools* seperti Appdynamics banyak membantu aktiviti pengurusan prestasi dan operasi HRMIS secara keseluruhan.

Appdynamics merupakan aplikasi yang digunakan bagi pemantauan operasi prestasi HRMIS secara menyeluruh. Ia mempunyai komponen penting yang diperlukan bagi tujuan pemantauan dan antaranya adalah *Application Performance Management*, *Server Monitoring* dan *Database Monitoring*. Ketiga-tiga fungsi ini amat diperlukan bagi memastikan penyelesaian HRMIS secara menyeluruh dapat dibuat.

Bagi fungsi *Application Performance Management*, pemantauan prestasi dan analisis web HRMIS dapat dilakukan dengan cara mengesan pengaturcaraan yang menghadapi masalah *slow response times* dan *application errors*.

Kebolehan Appdynamics menganalisis aplikasi menggunakan snapshot banyak membantu pasukan pembangunan aplikasi menyelesaikan masalah HRMIS.



Database visibility pula membantu pasukan pangkalan data melihat prestasi pangkalan data HRMIS dan menyelesaikan masalah seperti *slow response times* dan *excess load* bagi setiap SQL statement / stored procedure yang menggunakan sumber yang tinggi.

Q&A HRMIS: PERISYTIHARAN HARTA



**Perisytiharan
Harta**

Q: Adakah Proses Perisytiharan Harta melalui HRMIS dikira lengkap setelah Pemilik Kompetensi (CO) menghantar perisytiharan harta kepada Urusetia?

A: Tidak. Harta yang dihantar perlu disemak serta disahkan oleh Urus Setia Harta dan juga perlu diambil maklum oleh Ketua Jabatan mengikut PP Bil. 3 Tahun 2002.

Q: Bagaimana Pemilik Kompetensi boleh menyemak status maklumat harta yang telah dihantar?

A: Status perisytiharan harta boleh disemak di menu 'Papar Status Perisytiharan Harta'.

Q: Apakah yang perlu dilakukan sekiranya maklumat pasangan dan tanggungan Pemilik Kompetensi tidak dipaparkan di Borang Perisytiharan Harta?

A: Pemilik Kompetensi perlu menyemak sama ada maklumat pasangan dan tanggungan tersebut diisikan dengan lengkap di Modul Rekod Peribadi dan disahkan oleh Pentadbir Agensi masing-masing terlebih dahulu.

Q: Apakah kesan sekiranya penjawat awam tidak membuat perisytiharan harta?

A: Pegawai boleh dituduh melanggar peraturan perisytiharan harta seperitimana yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 serta ingkar perintah kerana melanggar Peraturan 4(2)(i) atau Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

VIDEO TIPS HRMIS TERKINI

Pasukan Promosi HRMIS telah menerbitkan 2 lagi video Tips HRMIS pada 30 Jun 2021 iaitu Aplikasi MyHRMIS Mobile dan eGL di MyHRMIS Mobile sebagai panduan ringkas dan galakan kepada pengguna HRMIS untuk menggunakan MyHRMIS Mobile.

1



2



Kedua-dua video ini serta video Tips HRMIS yang lain boleh didapati di saluran Youtube: Change Management HRMIS JPA.



Change Management
HRMIS JPA



hrmis2all



Pasukan Promosi
HRMIS JPA



Change Management
HRMIS JPA



<https://spmb.jpa.gov.my>